

Pemuda berusaha mewarisi

UM 21 JUN 2003

MUKADIMAH

SEBAGAI sayap kanan UMNO, Pergerakan Pemuda mempunyai peranan besar bagi memastikan parti itu terus cemerlang sebagai parti utama yang mewakili bangsa Melayu di negara ini.

Survival dan masa depan UMNO banyak ditentukan oleh keupayaan pergerakan itu memikul tanggungjawab yang ditinggalkan oleh pemimpin terdahulu.

Wartawan *Utusan Malaysia*, HAMDEN RAMLI menemubual Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Mohamad Norza Zakaria untuk meninjau pandanganannya mengenai cabaran generasi muda UMNO selepas ini.

Beliau turut bercakap tentang ucapan dasar Presiden, TUMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam konteks perjuangan Pemuda.

UTUSAN: Sebagai pemimpin muda dalam parti, apakah mesej yang cuba disampaikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya semalam ini?

NORZA: Pemimpin UMNO perlu sedar terhadap ancaman yang menanti UMNO. Jika tidak ditangani dengan baik boleh menyebabkan orang Melayu bukan sahaja dijajah semula tetapi menjadi masyarakat terpinggir.

Selain itu, Presiden parti juga banyak meninggalkan pesanan kepada generasi pelapis Puteri, Pemuda dan Wanita.

Beliau mahu melihat generasi ini, mewarisi aspirasi dan wawasan beliau terhadap parti itu.

UTUSAN: Adakah Pemuda mampu untuk mewarisi aspirasi yang dimaksudkan itu?

NORZA: Jika kita melihat kematangan dan kesatuan yang ditunjukkan oleh Pemuda pada sesi perbahasan pada perhimpunan Pemuda kelmarin, Pemuda bersedia dan mampu untuk mewarisi aspirasi tersebut.

Kita akan mengambil semangat dan daya juang beliau. **UTUSAN:** Berdasarkan Perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO kelmarin apakah kelainan yang saudara nampak berlaku kepada Pemuda hari ini?

NORZA: Saya rasa Pemuda telah mendapat rentak yang kita hendakkan iaitu menyatukan kepimpinan Pemuda di peringkat akar umbi selain memperkukuhkan peranan dan fungsi pergerakan itu sendiri.

Pada saya, Pemuda kini berada pada persiapan terbaik di bawah kepimpinan Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan saya yakin, Pemuda akan menunjukkan prestasi cemerlang pada pilihan raya akan datang.

UTUSAN: Apakah yang patut dilakukan oleh Pemuda dalam memanfaatkan rentak yang telah ditemui itu?

NORZA: Paling utama, Pemuda harus menghormati institusi kepimpinan Pemuda sedia ada dan melihatnya sebagai satu institusi yang bersedia mengambil alih kepimpinan hari ini.

Keduanya, Pemuda akan memperhebatkan lagi gerakan-gerakannya dalam memenangi hati rakyat terutama gene-

aspirasi Dr. Mahathir

rasi muda. Ini kerana kita tidak harus dilihat retorik sebaliknya berorientasikan masyarakat terutamanya di kalangan orang Melayu tidak kira di bandar mahupun luar bandar.

Ketiganya, Pemuda mesti bersedia untuk menjadi idola kepada generasi bawah 40 tahun yang mewakili 77 peratus daripada penduduk negara ini. Dalam hal ini kita 100 peratus telah bersedia.

UTUSAN: Tetapi, bersedia masih belum memadai untuk membuktikan keupayaan Pemuda?

NORZA: Itu sebab kami berharap kepimpinan UMNO dapat meningkatkan lagi proses peremajaan dalam parti lebih-lebih lagi jika melihat pola kependudukan yang ada sekarang.

Generasi muda menuntut pemikiran drastik, yang baru, yang inovatif, yang penuh kritis dan juga kompetitif.

Pemikiran baru ini perlu digerakkan oleh generasi muda. Oleh itu, UMNO mesti bersedia melalui proses peremajaan yang perlu diperhebatkan sepanjang masa.

UTUSAN: Bagaimana proses peremajaan dalam UMNO pada masa ini?

NORZA: Ia berlaku tetapi pada tahap sangat perlahan.

Jika kita melihat statistik, hari ini, kita hanya mempunyai seorang Ahli Parlimen berumur bawah 40 tahun dan 12 daripada beratus-ratus Ahli Dewan Undangan Negeri yang ada.

UTUSAN: Jika usaha peremajaan ini perlahan, adakah ia akan memberi kesan kepada UMNO?

NORZA: Ya. Yang pertama, generasi muda akan melihat bahawa UMNO bukan wadah perjuangan mereka dan kedua, jika kita buat terlalu perlahan akan berlaku perebutan kuasa dan mungkin pertembungan antara generasi lama dan generasi baru dalam UMNO.

UTUSAN: Apakah harapan yang saudara harapkan mampu dilahirkan pada perhimpunan kali ini khususnya kepada Pergerakan Pemuda?

NORZA: Saya berharap perhimpunan kali ini bukan sahaja akan menjadi perhimpunan agung perpisahan kepada Presiden tetapi ia merupakan satu permulaan baru yang lebih gemilang sebagai mewarisi perjuangan yang dibawa oleh Dr. Mahathir.

Sebagai kumpulan pewaris, Pergerakan Pemuda perlu melihat, meneliti dan belajar segala usaha selama 22 tahun Datuk Seri Presiden supaya sentiasa dapat diterjemahkan oleh generasi akan datang.

Salah satu cara dalam menghargai Dr. Mahathir ialah kita harus menyokong kuat pemimpin yang dipilih oleh Dr. Mahathir iaitu Datuk Seri Abdullah sebagai bakal Presiden parti. Bertitik tolak dari situ, kita bukan sahaja pertahankan kecemerlangan bahkan menjana kecemerlangan dimensi baru.